



## **SIARAN AKHBAR**

### **281 GOLONGAN TERJEJAS DI NEGERI MELAKA TERIMA MANFAAT DANA PERLU DAN DANA PELAJAR YAYASAN WAQAF MALAYSIA**

**Melaka, 18 Julai 2021** – Sejumlah RM34,200.00 dimanfaatkan di Negeri Melaka menerusi Program Bantuan Dana PERLU dan Dana PELAJAR Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) pada hari ini. Sumbangan ini diserahkan oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) di beberapa lokasi sekitar negeri Melaka. Turut hadir, Prof. Madya Dr. Amir bin Shaharuddin, Ketua Pegawai Eksekutif YWM dan Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim, Setiausaha Majlis Agama Islam Melaka.

Kesemua penerima sumbangan merupakan golongan yang terjejas pendapatan akibat pandemik Covid-19 yang terdiri daripada pekerja hotel, pengayuh beca, pekerja taska daripada 22 taska di negeri Melaka, kakitangan sokongan institusi pendidikan dan murid sekolah rendah dari kalangan keluarga B40.

Menerusi program ini, sejumlah RM12,500.00 telah diperuntukkan bagi tujuan menyediakan pek sumbangan makanan keperluan di bawah Program Dana PERLU YWM yang telah memberi manfaat kepada 250 penerima. Manakala di bawah Dana PELAJAR YWM pula, sebanyak 30 unit tablet diserahkan kepada 3 buah sekolah iaitu SK Taman Bukit Rambai, SK Bukit Rambai, SK Kg. Gelam dan 1 unit kepada sebuah keluarga yang memerlukan dengan nilai keseluruhan peruntukan

berjumlah RM21,700.00. Bagi pemberian tablet kepada pihak sekolah, tablet ini akan dipinjamkan kepada murid yang mengalami kesukaran menjalani sesi PdPR yang dikenalpasti oleh pihak sekolah. Turut diserahkan dalam majlis ini adalah Tatacara Pengurusan Aset Wakaf kepada pihak sekolah bagi memastikan pengurusan tablet tersebut adalah selari dengan konsep wakaf.

Program Dana PERLU dan Dana PELAJAR ini telah diperkenalkan pada 15 Jun 2021 dan ia merupakan kesinambungan kepada pelancaran Musa'adah 3.0 oleh YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) pada 1 Jun 2021 yang lalu.

Untuk menjadi sebahagian daripada penyumbang **Program Dana PELAJAR**, masyarakat boleh layari [www.ywm.gov.my/wakaf-online](http://www.ywm.gov.my/wakaf-online) dan memilih Sijil Wakaf Tunai Pendidikan untuk berwakaf atau salurkan sumbangan ke akaun CIMB ISLAMIC BANK BERHAD - 8602218186 untuk **Program Dana PERLU**.

**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**18 Julai 2021**

**Untuk sebarang maklumat lanjut, sila hubungi:**

**Cik Haidatul Azia binti Husin**  
**Pengurus Bahagian Pemasaran dan Korporat**  
**Yayasan Waqaf Malaysia**  
**019-3883395**  
**[azia@ywm.gov.my](mailto:azia@ywm.gov.my)**